

09 SEP 2003

I

PERDANA MENTERI SRI LANKA MENGUNJUNGI DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 9 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Sri Lanka Ranil Wickremesinghe hari ini mengunjungi rakan sejawatnya dari Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini.

Perbincangan antara kedua-dua pemimpin itu berlangsung hampir sejam.

Setibanya di pejabat itu, Wickremesinghe menandatangani buku pelawat dan kemudian meninjau Boulevard sehingga ke Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) dari pejabat Dr Mahathir.

PCC ialah tempat Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam ke-10 bulan depan.

Lawatan Wickremesinghe dua hari ke Malaysia bertujuan meningkatkan lagi hubungan dua hala perdagangan dan pelaburan, tiga menteri Sri Lanka berada di Malaysia minggu lepas untuk seminar promosi perdagangan.

Awal hari ini, ketibaan Wickremesinghe di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) disambut oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk M. Kayveas.

-- BERNAMA

MAM BK